

**Beri Masa Kepada Najib Putuskan Anggota Kabinet Baharu - Salang Bernama  
10 Mei, 2013**

BINTANGOR, 10 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak perlu diberikan lebih banyak masa bagi memutuskan siapa yang akan dipilih menganggotai barisan kabinet baharunya.

Anggota Parlimen Julau Datuk Joseph Salang berkata oleh itu rakyat tidak perlu menuntut perkara yang bukan-bukan.

"Dengan izin Tuhan, mungkin beliau akan membuat pertimbangan terbaik atas kebijaksanaannya bagi memutuskan calon yang tepat bagi menganggotai kabinet baharunya," katanya.

Salang berkata demikian kepada pemberita selepas menjadi hos majlis makan tengah hari sebagai tanda terima kasih dan menyampaikan netbook 1Malaysia kepada lebih daripada 200 pegawai dan pekerja pilihan raya di sebuah restoran di sini.

Akhbar hari ini melaporkan para penyokongnya melahirkan harapan agar beliau dilantik sebagai menteri penuh selepas memenangi pilihan raya umum ke-13 dengan majoriti undi yang lebih baik, bagi penggal keempat.

"Saya benar-benar menghargai keinginan mereka untuk melihat saya dinaikkan pangkat tetapi kita tidak bekerja secara berasingan kerana kita mesti melihat gambaran keseluruhan suasana politik di peringkat nasional," katanya.

Pada masa sama, penyokong calon-calon BN lain yang berjaya telah mengeluarkan kenyataan yang sama juga hari ini dan semalam meminta perdana menteri mempertimbang wakil rakyat masing-masing untuk dilantik sebagai menteri penuh juga.

Sementara itu, Salang berkata pilihan raya umum baru-baru ini bukan satu perkara yang luar biasa bagi beliau walaupun sesetengah orang percaya ia akan menjadi pertandingan yang mencabar kerana beliau juga bertanding menentang Wong anak Judat dari Parti Pekerja Sarawak (SWP) yang juga penyandang kerusi dewan undangan negeri (DUN) Meluan.

"Pengundi kawasan saya tahu saya telah berkhidmat kepada mereka sejak menang pada pilihan raya lepas. Saya masih mengekalkan tahap kesungguhan dari segi untuk berkhidmat kepada mereka," katanya.

Berhubung rancangan yang disusun untuk Julau, Salang berkata beliau akan memberi perhatian bagi meningkatkan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air yang dirawat bagi lebih banyak kawasan, kemudahan komunikasi dan liputan internet.

Salang berkata satu lagi keutamaannya ialah agar kerajaan mempertimbang permintaan rakyat bagi membuka lebih banyak tanah untuk penanaman kelapa sawit dan getah bagi meningkatkan pendapatan selain mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948871>